



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

SEMAI MINAT DAN PENINGKATAN BAKAT STEM MENERUSI FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

SERDANG, 24 September 2024 – Usaha menyemai minat dan peningkatan bakat dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) perlu dilaksanakan secara selari dengan pemerkasaan kualiti pendidikan di Malaysia. Justeru, Falsafah Pendidikan Kebangsaan perlu dijadikan rujukan pembentukan kerangka ekosistem pendidikan Malaysia yang terkini.

Berucap di Peringkat Akhir National Science Challenge (NSC) 2024 anjuran Akademi Sains Malaysia (ASM), Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Yang Berhormat Tuan Chang Lih Kang berkata, “Pengukuhan pembelajaran formal di sekolah melalui aktiviti pembelajaran tidak formal seperti pertandingan NSC ini perlu dilihat sebagai salah satu kaedah utama yang dapat membantu membentuk minat mendalam para pelajar kepada subjek STEM.”

“Penubuhan Jawatankuasa Pemandu Bakat STI Negara yang dianggotai oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), perlu dilihat sebagai sebuah platform untuk mengorak strategi pendidikan dan bakat yang menyeluruh mengambil kira keperluan pelajar daripada peringkat awal sehingga ke peringkat yang lebih tinggi,” kata YB Menteri.

YB Menteri juga mengucapkan syabas kepada ASM atas tindakan pantas menyahut cabaran kerajaan untuk penglibatan para saintis di sekolah dengan pengenalan program *STI 100 to the power of Three (STI 100³)*. Pelaksanaan peringkat Separuh Akhir NSC pada tahun ini melibatkan bimbingan rapat saintis-saintis muda kepada para pelajar yang terlibat.

Tema NSC 2024 iaitu ‘Memacu Era Transformasi Digital: Merintis Inovasi dan Penyelesaian Mampan’ adalah sangat relevan kepada iltizam Malaysia untuk menjadi salah satu peneraju ekonomi Asia, selaras dengan visi ekonomi MADANI. Perkara ini berkait secara langsung dengan pembangunan bakat dan pengukuhan ekosistem Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) negara.

Pertandingan NSC terbuka kepada pelajar tingkatan 1 hingga 4 sekolah menengah awam, swasta dan antarabangsa di seluruh Malaysia. NSC memberikan pelajar peluang meningkatkan pengetahuan saintifik dengan kandungan dan aktiviti menarik. Program ini turut mengasah kemahiran komunikasi, semangat kerja berpasukan dan membina pemikiran kritis. ASM telah menganjurkan program ini sejak tahun 1999. NSC 2024 secara keseluruhannya berjaya mengumpulkan 9,689 pasukan membabitkan 29,067 pelajar seluruh negara.

Turut hadir dalam majlis berkenaan adalah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Ketua Setiausaha MOSTI, Dato' Ts Dr Hj Aminuddin Hassim, Presiden ASM, Academician Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen FASc, Setiausaha Agung ASM, Profesor Dr Norsaadah Abd Rahman FASc, Pengerusi Jawatankuasa Pemandu NSC 2024, Profesor Ir Dr Aduwati Sali dan Ketua Pegawai Eksekutif ASM, Puan Hazami Habib.

Lima pasukan yang bertanding di Peringkat Akhir NSC 2024 adalah SM Swasta St. Joseph (Sarawak), SMK Sultan Ismail (Johor), SMK Jit Sin (Penang), MRSM Langkawi (Kedah) dan MRSM Gerik (Perak). Pasukan yang bergelar juara akan membawa pulang Piala Pusingan YAB Perdana Menteri, lawatan sambil belajar ke luar negara, biasiswa pendidikan, sijil penyertaan dan gajet. Manakala pemenang di tempat kedua hingga kelima akan menerima biasiswa pendidikan, sijil penyertaan dan gajet.

NSC 2024 mendapat sokongan daripada rakan kongsi strategik iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Sasbadi Online Sdn Bhd dan Young Scientists Network-Akademi Sains Malaysia (YSN-ASM).

#TAMAT#

Disediakan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

24 September 2024



Kit Media: https://bit.ly/PeringkatAkhir_NSC2024

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Korporat Akademi Sains Malaysia

Syakirah Nurizzati Mohamad Hood

syakirah.nurizzati@akademisains.gov.my

(+6017 6780 925)